



MAKLUMAT PROGRAM

ASASI PENGURUSAN PERNIAGAAN (MQA/FA15037)

Nama Program	: Asasi Pengurusan Perniagaan
Kredit Bergraduat	: 50 jam kredit
Bahasa Pengantar	: Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Mod Pengajian	: Sepenuh Masa
Kaedah Pengajaran	: Kuliah dan tutorial
Tempoh pengajian	: Setahun (Dua semester panjang dan satu semester pendek)

Matlamat Program : Program Asasi Pengurusan Perniagaan di KIAS direka untuk melengkapkan pelajar dengan asas dan teori pengurusan dalam merancang perniagaan secara komersial dan rabbani. Sasaran program ini adalah untuk mengasah pengetahuan teori pelajar dan membangunkan kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan membuat keputusan berasaskan perniagaan.

Objektif Pembelajaran Program (PEO)

PEO 1	Menunjukkan pengetahuan dan kefahaman dalam Pengurusan Perniagaan yang merupakan lanjutan daripada tahap menengah.;
PEO 2	Mengaplikasikan prinsip-prinsip dalam bidang pengurusan perniagaan untuk menyelesaikan masalah berkaitan;
PEO 3	Menunjukkan Kemahiran berkomunikasi dan penggunaan teknologi dalam menyelesaikan isu berkaitan pengurusan perniagaan.
PEO 4	Menunjukkan minat untuk meneruskan pengajian tinggi dalam bidang pengajian Pengurusan Perniagaan dan Muamalat.

Hasil Pembelajaran Program (PLO)

PLO 1	Menerangkan konsep dan prinsip yang berkaitan bidang pengurusan perniagaan dan muamalat;
PLO 2	Mengaplikasikan pengetahuan berkaitan bidang pengurusan perniagaan dan



MAKLUMAT PROGRAM

	muamalat dalam penyelesaian masalah;
PLO 3	Menjalankan aktiviti-aktiviti akademik seperti mengumpul maklumat, menganalisis data dan membuat kesimpulan, sama ada secara kumpulan atau individu dalam bidang pengurusan perniagaan dan muamalat;
PLO 4	Mempamer kecekapan dan kemampuan untuk berkomunikasi dalam bentuk penulisan dan lisan;
PLO 5	Menggunakan aplikasi asas teknologi digital untuk mencari dan memproses data berkaitan bidang pengurusan perniagaan dan muamalat;
PLO 6	Menunjukkan minat yang mendalam dan kemahiran sendiri dalam bidang pengurusan perniagaan dan muamalat secara beretika dan profesional bagi memenuhi keperluan pembelajaran sepanjang hayat di samping membina minda keusahawanan.

Prospek Kerjaya : Program Asasi digubal sebagai landasan kepada pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau O Level yang berkelayakan untuk mengikuti kelas persediaan sebelum mengikuti pengajian tinggi di peringkat ijazah sarjana muda. Kelulusan di peringkat pengajian asasi tidak digunakan sebagai kelayakan untuk memulakan kerjaya.

Struktur Program :

Semester 1			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	PAM 1104	Al-Quran dan Tajwid	4
2.	PAM 1114	Pengantar Akidah Islam	4
3	PAM 1123	Asas Pengurusan Islam	3
4..	PAM 1133	Bahasa Arab	3
5.	PAM 1143	Kemahiran ICT	3
6.	PAM 1153	Bahasa Inggeris	3
Jumlah Kredit			20



MAKLUMAT PROGRAM

Semester 2			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	PAM 1204	Business Mathematics	4
2.	PAM 1214	Pengantar Syariah Islamiah	4
3.	PAM 1224	Introduction to Business	4
4.	PAM 1234	Principle of Accounting	4
5.	PAM 1244	E-Commerce	4
Jumlah Kredit			20

Semester 3			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	PAM 1303	Basic Islamic Financial System	3
2.	PAM 1313	Etika Perniagaan Islam	3
3.	PAM 1324	Asas Ekonomi Islam	4
Jumlah Kredit			10
Jumlah Kredit Keseluruhan			50

Syarat Kemasukan :

- Memiliki Sijil pelajaran Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya Lima (5) kepujian dalam lima mata pelajaran; ATAU
- Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam lima mata pelajaran; ATAU
- Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

Koordinator Program : Nur Ain Binti Mohd Yusoff

No. Telefon KP : 013 928 2687